

21 AUG 1999

Rusia-Pesawat

RUSIA PELAWA MALAYSIA JALINKAN USAHASAMA KELUAR PESAWAT

Oleh: Azman Ujang

ULAN UDE (Rusia), 21 Ogos (Bernama) -- Rusia mempelawa Malaysia melabur dalam pengeluaran komersil pesawat pelbagai guna yang berlepas dan mendarat menegak, yang dikatakan sebagai pesawat pertama seumpamanya di dunia.

Pesawat amfibia C-16 yang membawa 16 penumpang belum dikeluarkan secara komersil tetapi tentera Rusia menggunakan pesawat itu untuk mengawasi bahagian hadapan negara termasuk sungai-sungai di Siberia.

Eksekutif kanan Kilang Penerbangan Ulan Ude di sini membuat tawaran itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan beliau ke kilang itu, satu daripada pengeluaran pesawat yang terkemuka di Rusia.

"Kami berasa sangat selesa bekerjasama dengan Malaysia, dan kami dapat menggabungkan kuasa intelektual Rusia dengan kuasa perindustrian Malaysia.

"Pengeluaran pesawat itu boleh dimulakan secepat mungkin dan kami memerlukan pelaburan anda. Kami mahu anda mempertimbangkannya dan kami telah bersedia untuk bekerja dengan anda," kata seorang pegawai tertinggi syarikat itu, seorang daripada beberapa yang memberi taklimat kepada Dr Mahathir, yang meluangkan masa lebih tiga jam melawat kilang itu.

Beliau menganggarkan permintaan bagi pesawat seperti itu di rantau ini ialah kira-kira 1,000 unit.

Pegawai itu memberitahu perdana menteri bahawa idea membuat pesawat itu tercetus semasa pegawai-pegawai syarikatnya melawat Filipina, yang mempunyai beribu-ribu pulau.

Beliau berkata pengeluaran pesawat itu adakah sangat kos efektif dan kos pengoperasian C-16 adalah enam kali lebih rendah daripada pesawat lain yang berkapasiti sama dan empat kali lebih murah daripada helikopter.

Sambil menyifatkan pesawat itu sebagai "teksi udara", beliau berkata ia boleh dibina dengan menggunakan teknologi yang mudah.

"Rusia boleh membina pesawat yang mudah dan sangat dipercayai," katanya kepada Dr Mahathir, yang menunjukkan minat terhadap usahasama itu dan menanyakan banyak soalan mengenai spesifikasi dan keupayaan C-16.

Pesawat mendarat dan berlepas menegak yang lain ialah Harrier milik Tentera Udara Diraja British.

Antara lain, Dr Mahathir bertanya sama ada pesawat itu boleh mendarat di atas air, sama ada ia boleh terbang melintasi hutan dan lautan bergelora.

Jawapan kepada semua soalan ini ialah "ya".

Ini adalah lawatan kedua beliau ke kilang pesawat semasa lawatannya di Rusia. Pada Isnin, beliau ke Komsomolsk-on-Amur, 400 kilometer dari Khabarovsk di timur jauh Rusia, yang mengeluarkan siri pesawat pejuang Sukhoi.

Dr Mahathir juga diberi taklimat mengenai pengeluaran helikopter MI-171, yang jenisnya hampir sama dengan MI-17 yang digunakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

MI-171 ialah helikopter kegunaan bagi pengangkutan tentera, kargo dan pembalakan.

Kilang Ulan Ude, yang menyambut ulangtahunnya yang ke-60 bulan lepas, juga mengeluarkan pesawat Sukhoi, SU-25UB, yang turut membuat penerbangan demonstrasi di udara untuk perdana menteri dan rombongan Malaysia.

Dr Mahathir turut meninjau kokpit SU-25UB itu dan sempat bergurau dengan berkata: "semua instrumennya adalah dalam bahasa Rusia. Jika ia dalam bahasa Inggeris, saya juga boleh menerbangkannya."

Sementara itu, Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd (AIM) dalam satu

kenyataan yang dikeluarkan di sini sempena lawatan perdana menteri, berkata Ulan Ude Aviation Plant (UUAP) sedang menimbang kemungkinan mewujudkan pusat pemasaran serantau dan kilang sokongan kejuruteraan/produk di Malaysia yang akan bertanggungjawab bagi aktiviti-aktiviti seperti penyenggaraan pesawat, pengagihan bahagian dan latihan.

Presiden AIM Lt-Jen (B) Datuk Seri Yunus Tasi berkata produk UUAP dan teknologi berkaitan juga membawa peluang kepada industri udara Malaysia untuk memperluaskan pangkalan teknologi negara pada masa ini selain aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

"AIM dan UUAP sedang meneroka kemungkinan menjalinkan kerjasama dalam peningkatan dan pemodenan produk bagi memenuhi keperluan permintaan operator dan pelanggan baru sedia ada," katanya.

Malaysia, di sebalik itu, berpeluang memperluaskan keupayaan pengubahsuaian dan peningkatan pesawat sedia ada.

"Gabungan Malaysia-Rusia ini akan membolehkan kedua-dua syarikat untuk bersama-sama bersaing secara agresif dalam industri udara global," kata Yunus, bekas panglima Tentera Udara Diraja Malaysia.

AIM ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia untuk mengembangkan industri udara negara.

AIROD Sdn Bhd, anak syarikatnya, adalah kilang penyenggaraan dan pembaikan utama di Malaysia bagi pesawat tentera dan komersil.

-- BERNAMA

AU NAK